

Kontraktor dikehendaki membawa salinan asal **Kad Pengenalan, cop syarikat, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta satu salinan bagi setiap sijil di atas semasa membeli dokumen sebut harga. **Bagi yang menghantar wakil hendaklah membawa surat wakil yang asal.** Dokumen sebut harga juga boleh didapatkan secara percuma dengan menghantar emel bertajuk butir-butir sebutharga berkaitan serta memuatnaik salinan **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui emel eperolehan@mbmb.gov.my. Pihak tuan boleh melayari laman web MBMB di www.mbmb.gov.my untuk melihat kenyataan sebut harga ini.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Peti Tawaran
Berhadapan Papan Notis Dewan Taming Sari,
Graha Makmur, No. 1,
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.**

Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam
Papan-Papan Kenyataan MBMB